

Tun Hussein kalahkan beliau dihalau mertua — Muka 10

Dr M cadang pasar Asean

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya satu 'formula' dirangka bagi mewujudkan idea-idea baru dalam kerjasama industri negara-negara Asean.

Merasmikan Mesyuarat ke-12 Menteri-Menteri Ekonomi Asean, di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, 'pasar bersama' harus dikaji secara serius.

Menurutnya, dengan cara ini, negara yang mempunyai pasaran terbesar akan juga mendapat faedah walaupun barang keluaran dikilangkan oleh sebuah negara kecil.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pada masa ini perubahan susunan asas Asean adalah dirasa tidak perlu.

Keperluan segera ialah untuk Sekretariat Asean dan fungsi berbagai jawatankuasa yang ditubuhkan.

Perdana Menteri berkata, penyusunan semula jentera Asean harus dijalankan secara berperingkat kerana ia melibatkan beberapa perkara yang kompleks.

Salahnya, Asean semasa semuanya bergantung kepada helikopter, berhubung dengan perubahan sesuatu keadaan.

Dalam mesyuarat tiga hari itu, Menteri-menteri Ekonomi Asean akan mengaji semula kerja dan kemajuan yang telah dicapai di bawah Jawatankuasa Ekonomi di

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

bidang kerjasama ekonomi. Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan sebagaimana Malaysia mengadap Asean sebagai barisan depan keamanan dasar luar, Asean telah menjadi idea dalam kemajuan perhubungan rapat dengan negara-negara yang mengalami perubahan-perubahan antarabangsa.

Oleh itu, perlu bagi Asean memperkukuh kerjasama dengan negara-negara ketiga.

Perkapanan

Perhatian khas haruslah dibina untuk mempersiapkan orang muda yang berkemampuan yang dapat mengisi masa depan dan negara terhadap kemajuan ekonomi dan sosial.

Beliau berpendapat, dalam selajutnya yang dirumuskan yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam mengenal mamfaat dan arah ekonomi Asean harus diberi selajut dengan keperluan yang diharapkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan

kemungkinan perdagangan antara negara-negara Asean melebihi AS\$10 bilion pada harga semasa, berbanding tahun 1970 hanya kira-kira AS\$3 bilion.

Di bawah Peraturan Kelatimewaan Perdagangan yang dilaksanakan dalam tahun 1976, sejumlah 4,551 jenis barang telah diberikan tarif kelatimewaan dan sebanyak 1,948 barang akan diterima dalam mesyuarat yang dijalankan sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mencadangkan, supaya Perjanjian Perdagangan dan Perkapalan Asean dapat dilaksanakan.

Ia dapat memperkukuh masalah berhubung dengan pengangkutan perdagangan Asean bukan sahaja ke pasaran luar tetapi malah dalam Asean sendiri.

Dengan pertambahan perdagangan Asean, terdapat pengaliran terdapat yang meningkat seperti tambang dan insurans dari rantau ini.

Pada masa ini Asean berpantang kepada perkhidmatan luar dan kenaikan tambang membolehkan bebas terhadnya imbuhan bayaran negara-negara Asean.

Mengenai kerjasama dalam sektor tenaga, Datuk Seri Dr. Mahathir mengesakan supaya kajian segera diambil terhadap potensi yang ada untuk meningkatkan kerjasama antara negara-negara Asean.

Perkembangan pada keseluruhannya ialah perantara (pemerolek) dan teknologi konvensional terbaharui seperti gas dan petroleum, logam, logam, infrastruktur dan teknologi serta teknologi nuklear yang akan menjadi sumber tenaga yang berdaya.

No. Siri 2286
No. Penerimaan 20/83